

# PJJ UPM bantu Anuar rintis peluang pendidikan

Oleh HISYAMUDDIN AYUB

**K**EISTIMEWAAN Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) yang ditawarkan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) telah mendorong Dr. Anuar Shah Bali Mahomed melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana atau *Master* di luar negara.

Beliau yang merupakan Pegawai Tadbir di Pejabat Pendaftar UPM sehingga tahun 2007, telah memilih untuk menyambung pengajian Ijazah Sarjana Pembangunan Sumber Manusia menerusi PJJ UPM pada tahun 2005.

Tawaran PJJ yang diambil anak kelahiran Teluk Intan, Perak itu adalah di bawah kendalian Pusat Pendidikan Luar (PPL) universiti tersebut.

Anuar merupakan Pegawai Tadbir UPM yang pertama dihantar untuk menyambung pengajian di luar negara dan diberikan cuti belajar, selain mendapat biasiswa Skim Pegawai Tadbir UPM.

Proses pembelajaran fleksibel telah mendorong ayah kepada tiga cahaya mata ini untuk menyertai program PJJ UPM, sekali gus membolehkan beliau untuk menyandang jawatan Pensyarah Kanan di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan UPM pada tahun ini.


Katanya, jadual waktu yang fleksibel telah memberi ruang yang luas kepadanya untuk menyusun waktu berkerja dan jadual belajar.

"Kelebihan yang ditawarkan ini telah mendorong saya untuk menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana menerusi program PJJ UPM, sekali gus menggunakan kesempatan ini mengembangkan kerjaya di UPM," katanya.

Selain itu katanya, program PJJ ditawarkan oleh UPM merupakan sistem pengajian yang sangat efektif.

Malah Anuar melihat tawaran program PJJ yang disediakan oleh UPM itu sebagai galakan secara sukarela bagi kakitangan universiti mendapatkan ilmu ke peringkat lebih tinggi.

Jelasnya, sebagai seorang yang men-



cintakan ilmu, usaha menimba ilmu adalah bukan atas paksaan, sebaliknya salah satu cara meningkatkan tahap pendidikan dalam diri masing-masing.



**ANUAR SHAH BALI MAHOMED**

Keputusan beliau memilih PJJ UPM adalah berdasarkan *accessibility* yang terdapat di dalam program tersebut.

Bukan sahaja program yang ditawarkan itu mudah dari segi hubungan komunikasi, malah pemilihan juga dibuat berdasarkan bidang yang diminati untuk menyambung pengajian.

"Saya sanggup menunggu selama hampir dua tahun untuk menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana menerusi PJJ UPM," katanya.

Anuar sebelum ini pernah bertugas

sebagai tenaga pengajar (tutor) untuk pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains (Pembangunan Sumber Manusia) di Pusat Pembelajaran Program PJJ KL dan Shah Alam pada tahun 2007 hingga 2010.

Mengulas mengenai persekitaran atau cara pembelajaran program PJJ UPM, beliau berkata, program tersebut menggunakan konsep *Adult Education* untuk pendidikan jarak jauh.

Situasi pembelajaran adalah seperti mana berada dalam persekitaran pelajar yang lebih dewasa dan mempunyai banyak pengalaman bekerja.

Meskipun kehadiran ke kuliah adalah penting, namun perkara itu lebih kepada galakan untuk menuntut ilmu.

"Situasi ini memberi peluang kepada kita untuk berinteraksi dengan golongan pelajar yang lebih dewasa dan berpengalaman, sekali gus dapat menambah ilmu pengetahuan secara tidak langsung," katanya.

Selain memperoleh perkongsian ilmu dan pengalaman, program PJJ UPM memberi

peluang kepada pelajar meningkatkan kemahiran sosial lain termasuk keupayaan berinteraksi dengan lebih baik.

Komitmen yang diberikan oleh rakan pelajar disifatkan sangat merangsang semangat belajar yang lebih tinggi dan dorongan mencipta kecemerlangan.

Selain itu menurutnya, fasiliti yang disediakan di UPM adalah mencukupi dan persekitaran kondusif.

Peluang mengadakan perjumpaan bersemuka (*face to face*) dengan tenaga pengajar menjadikan sistem pembelajaran yang jauh lebih baik dan teratur.

Beliau yang berhasrat untuk menyambung pelajaran di peringkat Doktor Falsafah atau PhD selepas tamat pengajian PJJ di UPM menyifatkan peluang diperoleh adalah sesuatu yang sangat berharga.

Bukan sahaja berupaya meningkatkan ilmu pengetahuan bagi mempersiapkan diri sebagai tenaga pengajar, malah dalam masa sama berpeluang meningkatkan diri dalam kerjaya.



Kelebihan yang ditawarkan ini telah mendorong saya untuk menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana menerusi program PJJ UPM, sekali gus menggunakan kesempatan ini mengembangkan kerjaya di UPM."

**DR. REEZAL ISHAK**  
Dekan UniKL MESTECH